

01 JUN 2000

PROJEK MEMBINA GALERI JALUR GEMILANG AKAN DIPERTIMBANGKAN

LANGKAWI, 1 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mempertimbangkan cadangan untuk membina galeri Jalur Gemilang sebagai mengenang kejayaan pelayar negara Datuk Azhar Mansor mengelilingi dunia secara solo.

"Itu pun kita nak timbang. Nampaknya satu projek menarik", katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat mengenai projek membina kereta kabel menghubungkan Gunung Matcincang setinggi 700 meter dari paras laut dengan perkampungan Oriental di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata; "Kita akan tengok setakat mana kita boleh belanja untuk galeri itu".

Projek yang dikendalikan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) itu dicadang dibina berdekatan Dataran Helang berdekatan jeti Kuah.

Galeri itu akan mempunyai tempat untuk mempamerkan kapal layar Jalur Gemilang berharga RM2 juta yang digunakan Azhar dalam pelayaran yang tercatat sejarah negara ini.

Ia juga akan mempamerkan pelbagai dokumen, gambar dan peralatan yang digunakan Azhar dalam pelayaran itu untuk dipamerkan kepada orang ramai terutama sebagai inspirasi untuk golongan muda.

Azhar memulakan pelayarannya pada 2 Feb tahun lepas dan tiba kembali pada 11 Ogos setelah belayar lebih 25,000 batu nautika.

Sementara itu, Bernama difahamkan sambutan ulang tahun pertama kejayaan Azhar akan diadakan di sini pada 11 Ogos ini.

-- BERNAMA

NH NMO